

## **RISALAH MAKLUMAT PESAKIT [DAPAGLIFLOZIN]**

### **Apakah kegunaan ubat ini?**

Dapagliflozin ialah perencat pengangkut bersama natrium-glukosa 2 (SGLT2). Perencat SGLT2 berfungsi dengan menghalang buah pinggang daripada menyerap semula gula (glukosa) ke dalam darah, dan ini meningkatkan jumlah gula yang dikeluarkan dari badan dalam air kencing. Ia digunakan dalam rawatan kencing manis. Ia berfungsi bersama perubahan gaya hidup, seperti mengamalkan diet yang sihat dan senaman yang kerap, untuk mengurangkan paras gula dalam darah.

Jika anda mengalami kegagalan jantung, ubat ini juga boleh diberikan kepada anda untuk membantu mengawal masalah jantung anda, walaupun anda tidak menghidap kencing manis.

### **Bagaimakah saya harus mengambil/menggunakan ubat ini?**

Ikut arahan pada label ubat anda dan ambil ubat seperti yang dipreskripsi oleh doktor anda. Ubat ini biasanya diambil sehari sekali. Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan.

### **Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?**

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Kemudian ambil dos anda yang seterusnya pada masa biasa.

Jika tempoh sehingga dos anda yang seterusnya kurang daripada 12 jam, langkau dos yang terlepas dan ambil dos anda yang seterusnya pada masa biasa.

Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

### **Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?**

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Alah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain ubat ini
- Mempunyai kencing manis Jenis 1, kerana ubat ini tidak disyorkan untuk kencing manis Jenis 1
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mempunyai masalah jantung atau buah pinggang
- Mempunyai sebarang ulser/ jangkitan kaki
- Kerap minum minuman keras
- Mengalami ketoasidosis diabetik pada masa lalu. Ini adalah komplikasi kencing manis yang disebabkan oleh peningkatan jumlah keton dalam darah atau air kencing anda, yang menyebabkan darah anda menjadi lebih berasid.
- Mempunyai sejarah jangkitan saluran kencing atau kanser pundi kencing
- Merancang untuk menjalani sebarang pembedahan atau prosedur (anda mungkin perlu berhenti mengambil ubat ini buat sementara waktu sekurang-kurangnya 72 jam sebelum itu)

Jika anda perlu melakukan ujian darah yang memerlukan anda berpuasa terlebih dahulu,

jangan ambil ubat anda sehingga darah anda telah diambil dan anda telah makan.

### **Apakah beberapa kesan sampingan yang lazim bagi ubat ini?**

Seperti semua ubat, ubat ini mungkin boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan tetapi tidak semua orang mengalaminya. Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan tersebut menjadi teruk dan menyusahkan.

Kesan sampingan yang lazim bagi Dapagliflozin termasuk:

- Jangkitan alat kelamin  
Ubat ini boleh meningkatkan kemungkinan mendapat jangkitan alat kelamin pada faraj atau zakar. Gejala termasuk gatal-gatal atau pelepasan cecair luar biasa dari alat kelamin.
  - Untuk mengurangkan sebanyak mungkin kemungkinan ini berlaku, sentiasa jaga kebersihan alat kelamin
- Jangkitan saluran kencing  
Ubat ini mungkin meningkatkan kemungkinan mendapat jangkitan saluran kencing. Gejala termasuk rasa terbakar apabila anda membuang air kecil, keperluan membuang air kecil dengan lebih kerap, rasa seperti anda perlu membuang air kecil dengan lebih kerap, atau jika anda lihat adanya darah dalam air kencing anda.
  - Untuk mengurangkan sebanyak mungkin kemungkinan ini berlaku, sentiasa jaga kebersihan alat kelamin
- Tekanan darah rendah  
Anda mungkin berasa mabuk atau pening, terutamanya apabila anda bangun dari posisi berbaring atau duduk. Ini lebih berkemungkinan berlaku pada waktu pagi atau apabila anda mula-mula bangun tidur.
  - Bangun perlahan-lahan boleh membantu tetapi jika masalah ini berterusan, rujuk kepada doktor anda.
- Dehidrasi (tidak mempunyai cukup air dalam badan)  
Anda mungkin mengalami dehidrasi kerana ubat ini mengeluarkan lebih gula dalam badan anda melalui air kencing anda.
  - Anda perlu minum tambahan 1 hingga 2 gelas air setiap hari melainkan doktor anda memberitahu anda agar mengawal pengambilan cecair anda
- Gula darah rendah  
Gula darah rendah boleh berlaku dan kemungkinan ini berlaku meningkat apabila anda mengambil ubat ini bersama ubat lain yang digunakan untuk kencing manis. Sila beritahu doktor anda jika paras gula darah anda rendah kerana doktor anda mungkin perlu mengubahsuai ubat kencing manis anda.

Gejala gula darah rendah termasuk

- Kelemahan
- Pening
- Lapar
- Berpeluh
- Menggeletar
- Penglihatan kabur
- Berjalan tidak stabil
- Degupan jantung yang cepat

Langkah 1: Periksa paras gula darah anda dengan menggunakan meter gula darah rumah (glukometer) jika ada. Jika paras gula darah anda kurang daripada 4 mmol/L, ambil 15 gram gula bertindak pantas. Contoh 15 gram gula bertindak pantas termasuk:

- 3 biji glukosa atau
- Setengah gelas jus buah (200ml) atau
- Setengah tin minuman ringan atau minuman manis (175ml) atau
- 1 tin minuman ringan kurang gula (330ml) atau
- 3 sudu teh gula, madu atau sirap

Langkah 2: Pantau diri anda selama 15 minit. Jika anda mempunyai glukometer (meter gula darah rumah), periksa paras gula darah anda sekali lagi selepas 15 minit.

Langkah 3: Jika paras gula darah anda masih kurang daripada 4 mmol/L atau anda masih mengalami gejala gula darah rendah, anda harus mengambil sekali lagi 15 gram gula bertindak pantas seperti Langkah 1.

Jika gejala anda tidak hilang, pergi jumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera.

Langkah 4: Makan seperti biasa atau makan snek jika paras gula darah anda adalah 4 mmol/L ke atas selepas mengambil gula bertindak cepat tadi.

### **Apakah beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius yang memerlukan saya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera?**

Gejala alahan dadah termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Muka/mata/bibir/lidah bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit gatal di seluruh badan anda

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, anda harus berhenti mengambil ubat anda dan berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Jika kesan sampingan yang serius berikut berlaku, anda harus berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera:

- Ketoasidosis diabetik (DKA)
  - DKA adalah kesan sampingan yang jarang berlaku dan serius yang berkaitan dengan ubat ini.  
Gejala termasuk:
    - sakit di perut atau abdomen
    - loya atau muntah-muntah yang tidak reda
    - berasa keliru, letih atau sangat mengantuk tidak seperti biasa
    - kesukaran bernafas (sesak nafas)
    - berasa sangat dahaga dan bau buah-buahan yang harum dalam nafas anda
  - Untuk mengurangkan kemungkinan DKA, pastikan anda minum air yang mencukupi setiap hari. Tempoh berpuasa yang berpanjangan atau banyak mengurangkan makan juga boleh meningkatkan kemungkinan DKA berlaku.
- Gangren Fournier
  - Ubat ini juga sangat jarang dikaitkan dengan jangkitan bakteria yang serius di kawasan kemaluan atau perineum. Anda harus berhenti mengambil ubat dan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami demam

- melebihi 38 °C dan kesakitan, kemerahan atau bengkak pada alat kelamin anda atau di kawasan antara alat kelamin dan dubur anda
- Untuk mengurangkan sebanyak mungkin kemungkinan ini berlaku, sentiasa jaga kebersihan alat kelamin
- Ulser atau tanda jangkitan pada kaki anda (contohnya, sakit atau sensitif terhadap kesakitan, kemerahan, nampak bengkak, rasa hangat)

### **Apakah makanan atau ubat yang harus saya elakkan apabila saya mengambil ubat ini?**

Elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ubat ini mungkin boleh menyebabkan gejala seperti muka memerah, loya, muntah-muntah, sakit kepala, degupan jantung yang cepat, pernafasan yang cepat dan mabuk-mabuk.

### **Bagaimanakah harus saya simpan ubat ini?**

Simpan di tempat yang terlindung dan kering, jauh daripada sinaran langsung matahari. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

### **Bagaimanakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?**

Bungkuskan ubat ini dalam beg sampah hitam dan ikat ketat sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.

### **Maklumat tambahan**

Bila hentikan Dapagliflozin buat sementara?

- Apabila berasa tidak sihat, contohnya, demam tinggi, hilang selera, cirit-birit, muntah-muntah atau berisiko mengalami dehidrasi
- Jika anda hamil

Tanya doktor anda jika anda perlu berhenti mengambil ubat ini atau mengambil langkah berjaga-jaga tambahan, jika anda merancang untuk menjalani perkara berikut:

- Prosedur pembedahan atau pergigian
- Pelan diet menurunkan berat badan yang melibatkan pengambilan karbohidrat yang sangat rendah seperti diet ketogenik
- Kegiatan jasmani tahan lasak seperti berlari maraton
- Kehamilan
- Berpuasa pada bulan Ramadan

Anda digalakkan supaya memeriksa paras gula darah anda dengan glukometer (meter gula darah) seperti yang diarahkan oleh profesional penjagaan kesihatan anda.

### **Penafian**

*Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.*

*Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat*

*daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.*

*Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan ubat dan maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.*